

J-repo

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 24/4/2010
Hari: Sabtu M/S: 11
Ruangan: KENCAHA

UUM/AA80/UM/24.4.2010/P:11(1-2)

Nikmat Felda kepada umat Melayu

Oleh MD. SHUKRI SHUIB
[Beliau adalah Pensyarah Politik dan Ekonomi
di Universiti Utara Malaysia, Kedah]

PENUBUHAN Felda sejak 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Land Development Ordinance 1956) merupakan satu nikmat kepada umat Melayu dan Islam yang tidak mampu disangkal.

Rakyat harus memahami bahawa jasa besar para pemimpin Melayu dan UMNO dalam mencetuskan penubuhan agensi ini bertunjangan kesedaran bahawa sejak Parti Perikatan berjaya mengendalikan pentadbiran pra-kemerdekaan negara setelah Pilihan Raya umum Julai 1955, kepimpinan Perikatan begitu bersungguh bagi menjamin kedudukan ekonomi umat Melayu dan Islam tidak terpinggir.

Langkah menubuhkan Felda dikira strategi politik-ekonomi, apatah lagi apabila menerusi Rancangan Briggs ditaja kuasa kolonial British yang mengambil tanah-tanah di negeri-negeri Melayu bertujuan mengekang pengaruh komunis dengan pembentukan kampung-kampung baru telah berjaya memberikan tanah dan juga penempatan tersusun kepada lebih setengah juta penduduk bukan Melayu tanpa dibayar pampasan harga tanah kepada negeri-negeri berkenaan.

Malah kampung-kampung baru yang wujud di bawah Rancangan Briggs tersebut masih kekal sehingga kini. Namun, nasib umat Melayu juga perlu terbela.

Justeru, adalah munasabah bagi kerajaan pimpinan Parti Perikatan seolah memberikan timbal balas dengan menubuhkan Felda.

Inilah konsep perkongsian kuasa antara kaum yang diamalkan Parti Perikatan dan Barisan Nasional kini, yang mana secara politik asasnyanya, orang Melayu diwakili menerusi UMNO, dan Cina (MCA) serta India (MIC) berjaya merasai denyut nadi rakyat.

Hasilnya, dasar yang menguntungkan segenap lapisan kaum di negara ini berjaya dilancarkan dan diaplikasikan.

Memang benar ordinar penubuhan Felda dilakukan 14 bulan sebelum negara mencapai kemerdekaan, namun, ia bukan dibangunkan atas inisiatif kolonial British.

Tetapi ia dijanakan atas kesedaran pemimpin Melayu menerusi Perikatan yang secara tersiratnya bagi membasmi kemiskinan penduduk watan negara ini menerusi pembangunan tanah tersusun dengan perancangan penempatan secara berkelompok dan dilakukan menerusi peladangan berskala besar.

Untuk itu, kerangka pembangunan Felda dilihat satu langkah maju ke depan dan bersifat 'projek mega'.

Menggunakan sejumlah RM10.05 bilion sehingga tahun 2000 dalam kos pembangunan tanah, penempatan serta pembangunan peneroka, maka kini Felda merupakan satu organisasi pembangunan tanah yang serba lengkap dan terbaik di dunia.

Kos pembangunan ini pula langsung tidak dikenakan bayar balik oleh peneroka kepada kerajaan. Felda bukanlah agensi yang seolah meminjamkan tanah serta dimajukan atas asas bahawa para pesertanya adalah 'peminjam' atau 'penghutang' mahupun 'penyewa' kepada agensi terbabit.

Malahan warga peneroka diberikan layanan sebagai 'pemilik tetap' kepada tanah yang mereka duduki. Tidak timbul soal kerajaan atau Felda mengenakan cas sewaan mahupun bayaran balik harga tanah yang diusahakan mereka.

Felda harus dipuji kejayaannya merealisasikan dasar ekonomi dan pembangunan negara yang direka kepimpinan negara.

Kini amanah yang dipikul kepada segenap warga Felda oleh kepimpinan negara terbukti hasilnya, dan ia berbaloi dilaksanakan kerajaan.

Apatah lagi ia diuruskan oleh para pengurus bumiputera dan kejayaan pembangunan Felda telah menjangkau usia lebih setengah abad.

Maka ia membuktikan kepada masyarakat Malaysia dan dunia bahawa pengurus Melayu dan Islam ini juga mampu mengurus tadbir organisasi hingga mencapai tahap piawai an anatarabangsa.

Tidak ada lain negara selain Malaysia termasuk di dunia Islam berjaya membangunkan tanah secara berkelompok dengan prospek peladangan komersial kekal berjaya.

Kejayaan itu menguntungkan rakyat serta negara dengan sejarah penerokaan tanah lebih setengah abad. Bahkan pula ia diuruskan atas kepakaran anak tempatan. Ini menunjukkan Felda satu di dunia dan Felda boleh!

Mungkin segelintir kita lupa, apatah lagi generasi mutakhir pasca merdeka yang lahir dari kesenangan bahawa dengan inisiatif dan idea kerajaan menubuhkan, mewujudkan serta menguruskan Felda, ia telah memberikan 'rezeki' secara langsung kepada 23,785 orang yang merupakan para kakitangan kumpulan Felda.

Di samping itu nikmat pembangunan secara langsung di rasai oleh 112,635 peneroka di 317 tanah rancangan dengan 853,313 hektar keluasan tanah berjaya dimajukan.

Ini semua disediakan secara khusus oleh kerajaan, dan Felda seolah ladang khas dianugerahkan negara kepada peneroka.

Dari tanah hingga kepada pembinaan penempatan asas serta diberikan input-input dan kemudahan infrastruktur pertanian atas asas peladangan kelompok dibawah tadbir urus langsung oleh Felda, maka apakah lagi nikmat yang mampu ditolak masyarakat Felda ini?

Jika dikatakan bahawa mana-mana kerajaan yang memerintah mampu untuk menjana idea dan menyediakan kemudahan yang sama sepertimana kepimpinan negara di Malaysia, maka apakah masyarakat di negara jiran seperti Indonesia mempunyai Felda, mahupun di Thailand dan Filipina yang saiznya lebih luas dari Malaysia?

Tiada negara lain di dunia mengambil inisiatif membuka penempatan dan ladang secara terurus untuk rakyatnya menerusi perlindungan terus dibawah Perlembagaan menerusi akta dan agensi yang dikawal selia kerajaan persekutuan seperti dilakukan Malaysia.

Inilah uniknya gaya ekonomi Malaysia yang mahukan supaya orang Melayu mendapat nikmat langsung pembangunan menerusi Felda.

Menerusi Akta khas mengenai Felda, maka ia membolehkan agensi itu kekal dengan jayanya.

Sebarang kelemahan yang dipunyai akta berkaitan Felda mahupun kelemahan pengurusan itu sendiri, sewajar penambahbaikan dilakukan, dan bukannya mewujudkan cubaan untuk 'meruntuhkan' sistem sedia ada.

Isu mengenai kelemahan beberapa isi kandungan dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tidak perlu dijadikan isu hingga memecahbelahkan kesepaduan masyarakat Felda.

Adalah baik ia dirundingkan bersama Felda dan kerajaan, melainkan sememangnya ada hasrat mencetuskan polemik bagi tujuan politik pembangkang terhadap agensi itu.

Kritikan adalah mudah dilontarkan, namun membangunkan organisasi dengan jaya amat sukar dilakukan.

Benarlah pepatah bahawa 'Rome tidak terbina dalam masa satu hari', begitu jugalah Felda, Felda bukan dibina dalam masa satu hari, namun mampu dimusnahkan dalam

masa satu hari sahaja.

Ini mampu dilakukan menerusi pembubaran akta serta hasutan supaya warga Felda tidak bersatu dan pada masa sama diasak pula desakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kononnya mewakili warga Felda untuk mendesak dan mengkritik pelbagai usaha murni yang telah dilaksanakan.

Secara berhemah, sepatutnya yang lemah diperbaiki dan bukannya dirosakkan dengan pelbagai polemik dan cetusan isu sehingga perpaduan warga Felda sedia bersatu, kemudiannya berpecah dan dengan sendirinya merosakkan institusi tersebut dari dalam.

Ini bahaya kerana menggugatan ke atas Felda yang perlu difahami dan dipantau khusus pengurusan agensi tersebut.

Secara luhurnya, segenap rakyat yang mendapat nikmat

hasilan penubuhan Felda perlu memikirkan dengan murni apakah yang mereka akan dapat jika mereka mahupun generasi sebelum mereka tidak terpilih menyertai Felda.

Di kala kehidupan dihipit kesusahan, maka kerajaan memilih mereka mahupun generasi sebelum mereka untuk menyertai Felda dengan ajakan untuk memajukan diri dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Soalnya kini, adakah wajar generasi yang mendapat nikmat hasil 'rezeki' bersama Felda berusaha pula seolah membelakangi nikmat yang dianugerahkan Allah s.w.t menerusi kerajaan dan Felda kepada mereka?

Nikmat Felda haruslah disyukuri dan dijaga supaya ianya kekal sehingga mampu dinikmati seterusnya dari generasi ke generasi.